

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan membantu golongan berpendapatan rendah atau golongan B40 untuk menggalakkan mereka memasang kerusi keselamatan kanak-kanak setelah Kerajaan mewajibkan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Seperti sedia maklum, Pihak Kerajaan akan mewajibkan peraturan pemasangan kerusi keselamatan bayi dalam setiap kereta persendirian pada tahun 2020. Pihak Kementerian Pengangkutan sedang dalam proses meminda perundangan yang berkaitan bagi membolehkan perkara ini dikuatkuasakan.
2. Pihak Kementerian mengambil maklum akan pertanyaan tentang bantuan kepada golongan B40 untuk memperoleh kerusi bayi/kanak-kanak ini. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Pengangkutan telah pun mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan agar tidak mengenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan terhadap pembelian kerusi keselamatan bayi supaya harganya lebih murah bagi diperolehi oleh semua lapisan masyarakat. Pihak Kementerian berharap supaya cadangan ini akan dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan.
3. Namun pihak Kementerian ingin mengingatkan di sini bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab semua pihak termasuk pihak swasta dan orang ramai. Pihak swasta terutamanya pengeluar-pengeluar kenderaan serta NGO-NGO yang berkaitan dipohon untuk turut serta dalam membantu pihak Kerajaan dalam usaha untuk mewajibkan pemasangan kerusi kanak-kanak di dalam kenderaan.
4. Setakat ini, telah terdapat pihak swasta yang telah memberikan subsidi pembelian kerusi kanak-kanak ini kepada golongan yang kurang berkemampuan. Pihak Kementerian berharap supaya usaha ini dapat diperluaskan oleh pihak-pihak lain bagi memastikan jalan raya di Malaysia yang lebih selamat.

Sekian terima kasih.